

Hishammuddin syor tangguh pemilihan jawatan tertinggi Umno

BH 24 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Khamis – Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein mencadangkan pemilihan semua jawatan tertinggi Umno tahun depan, ditangguhkan supaya jentera parti dapat ditumpukan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, walaupun pergerakan itu belum membincangkan perkara itu, secara peribadi beliau bersetuju pemilihan parti diadakan selepas pilihan raya umum.

“Ini kerana kita sudah mengenal pasti dan melantik Ketua Pemuda dan exco serta biro bagi menggerakkan jentera parti.

“Jika ada pemilihan dalam parti (sebelum pilihan raya), walaupun kita mampu merapatkan barisan, kemungkinan struktur yang sudah diatur ini akan terjejas buat seketika. Ini tidak akan mengizinkan kita memantapkan jentera kita,” katanya selepas menerima kunjungan Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC), Dr Jacques Rogge; Presiden Persatuan Olahraga Amatir Antarabangsa (AAAA), Suresh Kalmadi dan Presiden Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), Michael Fennel, di pejabatnya, di sini, hari ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas merasmikan Mesyuarat Agung MIC di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam, Ahad lalu, berkata beliau belum memikirkan cadangan untuk menangguhkan pemilihan Umno yang dijadualkan tahun depan.

Sebelum ini, timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membayangkan kemungkinan pemilihan itu ditangguhkan bagi memberi tumpuan kepada pilihan raya umum akan datang.

Pemilihan Umno pernah ditangguhkan pada 1999 kepada tahun 2000 berikutan pilihan raya umum yang diadakan pada November 1999.

Mengenai Perhimpunan Umno bulan depan, Hishammuddin ber-

kata, dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Pemuda, beliau akan mengimbas kembali amanatnya tahun lalu serta mengetengahkan program yang dilaksanakan untuk dilihat keberkesanannya.

Katanya, antara program yang akan ditonjolkan ialah program Pemuda Umno masuk kampung membantu orang ramai, usaha membantu pelarian di kem Chamman, Pakistan serta kepentingan golongan muda memabitkan diri dalam ekonomi.

Pergerakan itu juga, katanya, belum membincangkan mengenai usul yang bakal dibentangkan serta menyelaraskannya dengan Jawatankuasa Usul yang dipengerusikan Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mengenai arahan Dr Mahathir supaya semua parti komponen Barisan Nasional (BN) mengambil pendekatan menyerang parti pembangkang, Hishammuddin berkata, Pemuda Umno akan memastikan sudah melaksanakannya setiap kali menjelang pilihan raya kecil.

Katanya, arahan Presiden Umno itu sebenarnya bermaksud memperhebatkan lagi serangan bagi mendedahkan kelemahan pembangkang.